



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021 PERINGKAT
DASAR - MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)
23 NOVEMBER 2020**

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warrahmatulahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli- Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021. Sejumlah tujuh belas (17) orang Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab saya merentasi lima (5) isu utama. Iaitu berkaitan dengan:

1. Kedudukan ekonomi negara;
2. Peruntukan perbelanjaan projek pembangunan dan
2. kerjasama awam swasta (PPP);
3. Pembangunan wilayah;
4. Kemiskinan; dan
5. FELDA

KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

Tuan Yang di-Pertua,

2. Yang pertama, kedudukan ekonomi negara. Terdapat banyak isu mengenai ekonomi telah dibangkitkan. Kebanyakan isu-isu ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam sesi penggulungan pada 26 November 2020 nanti. Saya hanya akan menyentuh dua perkara yang berkaitan dengan bidang

kuasa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri secara langsung. Pertamanya saya ingin menjawab pertanyaan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Pekan yang menyentuh mengenai pelan pemulihan ekonomi strategik yang menggambarkan hala tuju yang jelas, bidangbidang yang akan diberikan keutamaan dan jentera pelaksana yang mampu memastikan pelan ini dilaksanakan mengikut jadualnya.

3. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Ia telah banyak mengubah landskap ekonomi negara termasuk, kemunculan ekonomi gig, industri pelancongan terjejas dengan teruk, peningkatan kadar pengangguran, khususnya di kalangan belia, dan peningkatan kebergantungan ke atas perkhidmatan dalam talian, termasuklah pembelian barangan keperluan di dalam talian. Perubahan-perubahan ini telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang.
4. Kini, penyediaan RMKe-12 sedang berada dalam peringkat akhir dan akan dibentangkan pada awal tahun 2021. Ia akan mengambil kira pelbagai strategi yang lebih jelas untuk memulih dan menjana semula ekonomi yang terkesan disebabkan oleh COVID-19 serta menangani isu struktur ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan.
5. Antara bidang utama yang akan diberi tumpuan di dalam RMKe-12 adalah seperti berikut:
 - Yang pertama, revolusi perindustrian keempat, ekonomi digital, perusahaan kecil dan sederhana;
 - Kedua, pembangunan inklusif, kemiskinan, pembangunan bandar dan luar bandar, serta penjagaan kesihatan; dan
 - Ketiga, ekonomi hijau, ekonomi kitaran serta perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Yang Berhormat Pekan turut membangkitkan mengenai usaha kerajaan untuk meneruskan projek-projek connectivity seperti infra rakyat yang telah diumumkan

dalam Belanjawan 2021 seperti High Speed Rail (HSR), MRT, Gemas Double-tracking, Central Spine Road, Pan Borneo Highway, RTS dan LRT3.

7. Kerajaan yakin bahawa meneruskan projek-projek connectiviti ini dapat bagi merencanakan ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan domestik dalam masa terdekat.
8. Selain itu manfaat yang diharapkan adalah:
 - Yang pertama, merangsang serta memulihkan ekonomi yang komprehensif dengan menyediakan ribuan pekerjaan berkemahiran tinggi di negara ini, meningkatkan pendapatan rakyat dan membantu perniagaan;
 - Kedua, projek-projek infrastruktur ini akan memberikan kesan pengganda (multiplier effect) yang positif kepada ekonomi negara;
 - Ketiga, merangsang industri tertentu seperti pelancongan dan hartanah, sekali gus mengangkat tahap kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya;

PERUNTUKAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN KERJASAMA AWAM-SWASTA

Tuan Yang di-Pertua,

9. Isu yang kedua adalah mengenai peruntukkan projek pembangunan dan kerjasama awam-swasta atau PPP. Seramai tujuh (7) Ahli Yang berhormat telah menyentuh perkara ini.
10. YB Port Dickson dan YB Subang telah mencadangkan supaya peruntukan untuk projek pembangunan di tahun 2021 dikurangkan kepada RM50 bilion dan RM19 bilion dipindah kepada Kumpulan Wang COVID-19.
11. Kerajaan melalui Belanjawan 2021 telah memperuntukkan RM69 bilion di bawah perbelanjaan pembangunan atau DE pada tahun 2021. Peruntukan pembangunan ini boleh dibahagikan kepada empat komponen, iaitu:
 - i. Pertama, peruntukan untuk membiayai projek pembangunan berdasarkan hala tuju dasar dan strategi rancangan lima tahun, seperti membina jalan raya, klinik dan hospital, program pembasmian kemiskinan di bandar dan luar bandar;

- ii. Kedua, peruntukkan bagi perbelanjaan bersifat pembangunan yang dahulunya dibiayai di bawah perbelanjaan mengurus. Contohnya pembayaran balik terbitan sukuk yang diterbitkan untuk projek infrastruktur yang telah dan sedang dilaksanakan;
- iii. Ketiga, peruntukan untuk membayar konsesi projek kerjasama sektor awam dan swasta. Sebagai contoh, bayaran sewaan pejabat Kerajaan, perkhidmatan kesihatan dan kolej kediaman; dan
- iv. Keempat, peruntukan untuk membiayai pelan pemulihan dan rasionalisasi institusi dengan punca kuasa khusus seperti pelan pemulihan dalam Kertas Putih FELDA, Penebusan Sukuk di bawah pelan pemulihan Lembaga Tabung Haji dan Pelunasan Aset 1MDB.

12. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejumlah besar daripada peruntukan projek pembangunan adalah untuk melaksanakan projek-projek sambungan yang telah komited yang bermula sejak pelaksanaan RMKe-11. Projek-projek sambungan ini seperti pembinaan hospital, menaiktaraf kemudahan kesihatan, pembinaan sekolah, menaiktaraf sekolah daif, dan jalan raya yang perlu diteruskan pelaksanaan. Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa projek telah bermula tidak harus diberhentikan. Pada masa yang sama, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat memohon perbelanjaan pembangunan ditambah untuk kawasan masing-masing.

13. Pelaburan awam merupakan alat dasar kitaran balas atau countercyclical dengan izin yang penting dalam ekonomi. Komponen yang penting dalam pelaburan awam ialah pelaburan daripada syarikat awam bukan kewangan yang menyumbang 57%. Manakala perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menyumbang 30% serta kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan sebanyak 13%.

14. Sumbangan pelaburan sektor awam kepada keluaran dalam negara kasar telah berkurangan daripada 9% pada tahun 2015 kepada 6.3% pada tahun 2019. Sekiranya peruntukan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan dikurangkan lagi, ia akan sudah pasti akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

15. Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan mengenai peruntukan di bawah butiran Projek Khas.

16. Peruntukan Projek Khas merupakan peruntukan penting yang disediakan bagi membiayai projek-projek yang mendesak di luar perancangan Kementerian/Agensi yang telah disenaraikan di dalam Belanjawan. Ini termasuk bagi membiayai pelaksanaan projek-projek bersifat mesra rakyat dan berimpak tinggi.
17. Di samping itu, peruntukan ini juga untuk membiayai komponen projek merentasi kementerian yang tidak boleh dipertimbangkan serentak. Sebagai contoh, peruntukan untuk pembinaan jalan perhubungan yang perlu dilaksanakan segera tetapi tidak dimasukkan dalam peruntukan projek pembinaan sekolah yang telah pun sedia untuk beroperasi.
18. Sepanjang tempoh RMKe-11, kos keseluruhan yang diluluskan bagi butiran Projek Khas adalah sebanyak RM5 bilion atau sebanyak RM 1 bilion setiap tahun.
19. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, tahun 2021 juga merupakan tahun pertama pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Peruntukkan RM 1 bilion di dalam Belanjawan 2021 juga memberi tuang kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan permohonan projek-projek penting yang perlu dilaksanakan segera tetapi tidak dimasukkan dalam Belanjawan 2021 bagi memastikan matlamat WKB tercapai. Pertimbangan projek-projek di bawah butiran ini akan disemak dengan teliti berdasarkan kaedah-kaedah yang diterima pakai oleh Kerajaan.
20. Yang Berhormat Kubang Pasu telah meminta perincian projek PPP yang diluluskan dalam Belanjawan 2021. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada projek baharu dinyatakan di dalam Belanjawan 2021. Namun, terdapat 97 projek PPP yang telah ditandatangani yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan bagi penyediaan perkhidmatan penting untuk memenuhi keperluan awam. 89 daripada projek tersebut sedang beroperasi dan lapan (8) lagi masih dalam pembinaan. Seperti yang dinyatakan dalam Buku Bajet 2021, RM813.6 juta telah diperuntukkan untuk projek PPP di bawah Jabatan Perdana Menteri. Peruntukkan tersebut adalah untuk membiayai bayaran sewaan bangunan Kerajaan, termasuk bangunan Parcel F di Putrajaya.

PEMBANGUNAN WILAYAH

Tuan Yang di-Pertua,

21. Seterusnya, saya beralih kepada isu yang kedua iaitu pembangunan wilayah. Seramai empat orang Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini.
22. Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Julau mengutarakan soal ketidakseimbangan pembangunan negeri Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia, fokus Kerajaan tertumpu kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, meliputi penduduk luar bandar dan bandar.
23. Ini adalah penting supaya Sabah dan Sarawak terus membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan ekonomi mereka diperkasakan. Penekanan Kerajaan ini juga selaras ke arah melaksanakan pembangunan secara lebih terangkum dan teragih memandangkan pembangunan pesat sekarang lebih tertumpu di Wilayah Tengah, meliputi WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Selangor.
24. Kerajaan mensasarkan nisbah pendapatan antara Wilayah Sabah dan Wilayah Tengah dirapatkan daripada 2.6 kepada 1.5 menjelang 2030. Manakala Wilayah Sarawak dan wilayah Tengah dirapatkan daripada 1.3 kepada 1.2. Walaupun menangani jurang pendapatan mengambil masa, Kerajaan tetap komited untuk merapatkan jurang tersebut dalam masa 10 tahun yang akan datang.
25. Pada masa sama, Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk di Sabah dan Sarawak. Strategi dan inisiatif berkaitan sedang giat dirangka dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk meningkatkan pendapatan isi rumah bagi Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak supaya jurang pendapatan antara Wilayah dapat dirapatkan.
26. Bagi tahun 2021, negeri Sabah dan Sarawak telah pun diperuntukkan sejumlah RM9.5 billion atau 13.8% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah

peruntukan ini telah meningkat sebanyak 0.5%, iaitu sebanyak RM46 juta daripada tahun ini (RM9.5 bilion pada 2020). Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 679 projek baharu dan 1,141 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

27. Usaha untuk menangani kemiskinan dan mempelbagaikan pendapatan akan dipergiatkan dan dipertingkatkan di Sabah dan Sarawak. Dalam mengupaya Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman, penekanan akan diberikan dalam aspek seperti pendidikan, kemahiran dan keusahawanan. Antara inisiatif dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup mereka termasuk mempertingkat pengambilan pelajar berpotensi untuk kemasukan ke sekolah berprestasi tinggi dan institut latihan, memupuk keusahawanan dengan fokus kepada kemahiran berdasarkan bakat intrinsik dengan bantuan pembiayaan dan pemasaran produk dan perkhidmatan.

28. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan di Sabah dan Sarawak. Justeru, dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) yang akan dibentangkan pada tahun hadapan, satu bab khusus mengenai perancangan pembangunan di Sabah dan Sarawak akan diwujudkan. Usaha ini menunjukkan Kerajaan adalah komited dalam melaksanakan perancangan pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

29. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Julau dalam perbahasan beliau mengenai jawapan pertanyaan lisan saya pada 11 November 2020. Jawapan tersebut dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai amat bertentangan dengan objektif dan matlamat utama yang telah digariskan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas serta tidak mencerminkan semangat MA63.

30. Sebagai pencerahan, jawapan saya kepada pertanyaan asal Yang Berhormat adalah berbandukan amalan agihan peruntukan pembangunan kepada kementerian sebagai agen Pembangunan Nasional. Agihan ini diolah semula mengikut Negeri bagi mengukur pencapaian 50% agihan kepada 6 Negeri kurang membangun sepertimana sasaran WKB.

31. Hakikat sebenar yang perlu diakui adalah apabila terdapat komitmen berkanun Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang perlu didahulukan, maka baki yang ada untuk agihan mengurus atau pembangunan telah berkurang.
32. Seterusnya, saya beralih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu yang membangkitkan mengenai pengumuman Belanjawan 2021 iaitu sebanyak RM100 juta kepada Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA).
33. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM100 juta yang diumumkan tersebut adalah kepada semua pihak berkuasa pembangunan Wilayah khususnya kepada SEDIA dan Iskandar Region Development Authority (IRDA).
34. Sehingga kini, Kementerian Kewangan telah menerima cadangan awal daripada SEDIA yang berjumlah RM10 juta bagi program Place & Train dan pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana dan Pembangunan Keusahawanan.
35. Bagi Program Place & Train, ia mensasarkan kepada penganggur dan graduan yang masih belum mendapat pekerjaan. Program ini melibatkan para majikan yang ingin menggajikan peserta dan latihan penyesuaian kemahiran akan disediakan oleh pihak SEDIA agar peserta dapat menyesuaikan diri dalam pekerjaan baharu dengan lebih cepat. Para majikan yang terlibat merupakan perniaga tempatan yang merupakan ahli kepada persatuan perniagaan di negeri Sabah seperti Sabah Timber Industry Association, Federation of Sabah Industries, Sabah Furniture Association dan sebagainya.
36. Untuk program pembangunan usahawan pula, ia mensasarkan golongan B40 dan wanita. Program ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran komprehensif agar peserta dapat menjadikan aktiviti kecil-kecilan mereka seperti pertanian, pengeluaran makanan kepada satu perusahaan untuk menambah sumber pendapatan. Kursus juga meliputi latihan pemasaran terutamanya melalui platform e-dagang.
37. Keseluruhannya peruntukan RM10 juta ini menawarkan sebanyak 1,625 peluang latihan. SEDIA akan menyediakan satu portal untuk permohonan dan dimaklumkan melalui platform media sosial SEDIA. Kementerian Kewangan dan SEDIA akan

menyediakan lebih banyak peluang latihan dalam masa terdekat untuk mengurangkan impak pengangguran akibat penutupan sempadan di Sabah.

Kemiskinan

Tuan Yang di-Pertua,

38. Yang Berhormat Rompin meminta penjelasan usaha Kerajaan untuk mengekang dan mengekalkan kadar kemiskinan pada tahap yang lama dan mencadangkan supaya UPE,JPM meneliti semula Garis kemiskinan serta rating B40, M40, T20 di mana tidak sesuai lagi digunakan pada masa kini. Yang Berhormat Klang juga mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula paras kemiskinan di negara ini yang terjejas oleh Covid-19.
39. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, krisis COVID-19 telah menjejaskan ekonomi dengan ketara di seluruh dunia. Berdasarkan anggaran Bank Dunia, pandemik COVID-19 ini akan menyebabkan antara 88 juta sehingga 115 juta orang terjatuh dalam golongan kemiskinan tegar pada tahun 2020 dan menyebabkan paras kadar kemiskinan dunia kembali kepada paras yang dicatatkan pada tahun 2017.
40. Di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Mei 2020 telah menjalankan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi dan Individu. Berdasarkan survei khas ini didapati lebih daripada dua per tiga iaitu 71% daripada responden yang bekerja sendiri mempunyai simpanan kurang daripada 1 bulan sahaja. Manakala 77% majikan dan 83% pekerja swasta pula mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi sehingga 2 bulan sahaja. Kadar pengangguran pada bulan September 2020 adalah 4.6%. Oleh yang demikian, adalah dianggarkan jumlah isi rumah yang jatuh kepada miskin tegar dijangka meningkat.
41. UNICEF pada Oktober 2020 telah menerbitkan laporan “Families on the Edge” yang menjalankan kajian ke atas 500 keluarga di 16 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya berkaitan kemiskinan bandar dan isu ketersisihan di kalangan kanak-kanak. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan kadar pengangguran orang dewasa dalam komuniti adalah masih tinggi iaitu 35%.

42. Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada agenda pembasmian kemiskinan dalam pelan pembangunan negara dan sentiasa memantau keadaan kemiskinan dalam kalangan rakyat melalui sistem eKasih. Sistem ini dibangunkan pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan “Miskin Tegar dan Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada.
43. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, ICU JPM pada setiap masa menjalankan verifikasi di lapangan bagi mengenal pasti rakyat yang hidup di dalam kemiskinan termasuk semasa dalam tempoh Pandemik COVID19. Oleh itu, isi rumah miskin yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) akan didaftarkan ke dalam Sistem eKasih. Sistem ini adalah bersifat dinamik serta semua maklumat eKasih adalah melibatkan isi rumah yang berdaftar dan telah dibuat pengesahan dan proses verifikasi di lapangan.
44. Bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan mekanisme penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi, Kerajaan akan memperkukuh pendekatan dari bawah ke atas atau bottom-up approach, dengan izin, di kalangan pemegang taruh antara Kerajaan, swasta, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan rakyat. Justeru itu, pendekatan ini akan dipertingkatkan dengan penglibatan organisasi masyarakat sivil dan CBO. Pihak berkuasa juga akan diperkasa untuk mengenal pasti dan mengurangkan poket kemiskinan pada peringkat komuniti.

FELDA

Tuan Yang di-Pertua,

45. Seterusnya saya menyentuh isu berkaitan FELDA. Empat orang ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Setiu telah meminta penjelasan Kerajaan mengenai pelbagai isu melibatkan FELDA.
46. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini bersama dengan pengurusan baharu FELDA telah dan sedang berusaha keras untuk memastikan kebajikan

peneroka dan keluarga mereka sentiasa terpelihara. Langkah penambahbaikan dan hala tuju baharu FELDA digariskan untuk mengembalikan reputasi dan prestasi FELDA, selain untuk memastikan pembangunan sosio ekonomi yang mampan dan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat peneroka.

47. Seperti yang telah diumumkan pada 28 Oktober 2020 yang lepas, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan-cadangan yang telah diperakukan oleh Pasukan Petugas Khas Menangani Isu FELDA pada 14 Oktober 2020. Antara cadangan yang diterima oleh adalah:

- i. Yang Pertama, penstrukturan semula hutang dengan institusi kewangan;
- ii. Kedua, meningkatkan pendapatan teras dari tanah ladang FELDA dengan menamatkan Perjanjian Pajakan Tanah (Land Lease Agreement - LLA);
- iii. Ketiga, meningkatkan daya berdikari peneroka; dan
- iv. Keempat, penerbitan sukuk oleh FELDA yang bernilai RM9.9 billion dengan jaminan kerajaan bagi melaksanakan pelan pemulihan FELDA.

48. Pelaksanaan Sukuk RM9.9 Bilion bagi Pelan Pemulihan FELDA yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri berdasarkan cadangan Pasukan Khas FELDA yang dipengerusikan oleh Tan Sir Wahid Omar akan dilaksanakan bergantung kepada keadaan pasaran semasa. Penerbitan sukuk ini dijangka dijalankan pada tahun 2021.

49. Pelaksanaan Pelan Pemulihan FELDA dijangka akan memulihkan kedudukan kewangan FELDA di mana aliran tunai positif akan dicapai pada tahun 2023.

50. Untuk makluman Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Jempol, FELDA membangunkan 8,314 unit rumah di atas 38 tapak projek dengan anggaran kos pembangunan kasar bernilai RM1.65 bilion. Daripada 38 tapak projek tersebut, 20 tapak telah mencapai kemajuan kerja 70% dan sebahagiannya telah siap dengan CCC, manakala 18 tapak lagi terbengkalai semenjak tahun 2016 dengan kemajuan pembinaan kurang daripada 69%.

51. Pada masa ini, tumpuan FELDA adalah untuk menyempurnakan penyiapan 20 tapak projek yang kemajuan kerja melebihi 70% dan ke atas dengan CCC sehingga suratan

hak milik dikeluarkan, melalui peruntukan RM296.5 juta yang diterima melalui Kertas Putih FELDA dan PRIHATIN.

52. Berdasarkan rekod FELDA, projek perumahan di Parlimen Setiu adalah projek perumahan di FELDA Chalok Barat iaitu merupakan projek Rumah Mesra Rakyat FELDA (RMR-FELDA). Projek ini adalah program kerjasama di antara FELDA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) di mana FELDA telah menyediakan tapak lot berserta infrastruktur asas. Manakala, pembinaan 4 unit rumah oleh SPNB telah siap sepenuhnya. Walau bagaimanapun, program ini ditangguhkan oleh Lembaga FELDA pada 13 September 2018 berikutan kos penyediaan infrastruktur asas projek yang tinggi tidak dapat ditanggung oleh FELDA. Pelaksanaan program ini akan diteliti semula berdasarkan kajian kebolehlaksanaan serta mengambil kira penglibatan dan kerjasama syarikat perumahan lain dan Kerajaan Negeri.
53. Yang Berhormat Jempol juga menyuarakan mengenai Isu Penyata Hutang peneroka. FELDA telah menubuhkan satu pasukan khas bagi melaksanakan aktiviti memuktamadkan penyata hutang peneroka khususnya bagi perbelanjaan pembangunan tanam semula lading peneroka. Sehingga 30 September 2020 penyediaan maklumat hutang peneroka yang dikunci kira-kira pada 31 Disember 2019 telah selesai dilaksanakan. Proses seterusnya adalah pembentangan penyata hutang kepada peneroka melalui Jawatankuasa Tanam Semula Rancangan dan seterusnya penyediaan Penyata Hutang yang akan dikeluarkan pada Disember 2020.
54. Selain itu, peruntukan Belanjawan 2021 sebanyak RM400 juta kepada FELDA turut disentuh Yang Berhormat Jempol. Peruntukan ini adalah bagi Penghapusan Faedah Hutang Peneroka dan Program Pembangunan Peneroka (PPP). Kerajaan melalui inisiatif Kertas Putih FELDA telah meluluskan bantuan geran berjumlah RM2 bilion bagi menghapuskan kadar faedah yang dikenakan kepada peneroka secara berperingkat iaitu sebanyak RM300 juta setahun bermula 2019 sehingga 2024 dan RM200 juta pada tahun 2025. Penghapusan faedah ke atas hutang ini akan mengurangkan bebanan hutang peneroka bagi tempoh bayaran yang ditetapkan. Penjimatan tersebut dapat digunakan oleh peneroka terlibat untuk menampung perbelanjaan lain.

PENUTUP

55. Setakat ini sahaja penjelasan saya Tuan Yang di-Pertua, terhadap isu-isu utama yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkenaan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya.

Sekian, terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)